



## KEWAJIPAN MEMBAYAR HUTANG

HISHAM NOR

**Pendidikan** adalah antara elemen terpenting bagi memenuhi cita-cita ke arah kejayaan. Keperluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi semakin meningkat setiap tahun. Keadaan ini menyebabkan wujudnya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Peluang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) untuk melanjutkan pelajaran terbentang luas jika dibandingkan pada awal dekad 1980-an dan akhir dekad 1990-an.

PADA awal 1980-an, negara ini mempunyai tujuh buah institut pengajian tinggi awam atau universiti awam (UA), iaitu Universiti Malaya (UM), iaitu universiti yang tertua di negara ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan Institut Teknologi MARA yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Bilangan IPTS ketika itu masih rendah dan hanya pelajar berkemampuan yang meneruskan pengajian di IPTS. Rata-rata pelajar terpaksa bersaing mendapatkan tempat yang terhad di UA dan pelajar yang tidak berpeluang khususnya anak Melayu terpaksa meninggalkan alam pendidikan walaupun mempunyai kelulusan yang baik untuk melanjutkan pelajaran. Pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah akan meneruskan perjalanan masa hadapan dengan mencari pekerjaan berbekalkan dengan keputusan SPM dan STPM.

Keluarga yang mampu menghantar anak mereka ke IPTS, tiada masalah untuk meneruskan kesinambungan dalam pendidikan hingga anak mereka mendapat segulung ijazah. Bagi yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran dan terpaksa bekerja, tetapi masih mahu meneruskan pelajaran, mereka boleh mengikuti kursus separuh masa yang ditawarkan oleh IPTS.

Pada masa ini terdapat 21 buah IPTA dan puluhan IPTS ditubuhkan di seluruh negara termasuklah yang ditubuhkan oleh setiap kerajaan negeri dan syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (GLC), antaranya Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Petronas, Universiti Tun Abdul Razak, dan Universiti Malaysia Sarawak.

Kesukaran pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran kerana tidak berkemampuan dapat diatasi apabila kerajaan mengambil inisiatif

menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun 1997. PTPTN ditubuhkan dengan tujuan untuk memberikan pinjaman kepada pelajar Ijazah Pertama di UA dan IPTS untuk membiayai yuran pengajian, kos sara hidup, serta pembelian buku peralatan yang berkaitan.

Pemberian pinjaman melalui PTPTN mengurangkan beban kerajaan memberikan biasiswa dan hanya pelajar yang cemerlang daripada keluarga yang miskin atau sederhana serta mempunyai latar belakang akademik yang baik akan diberikan biasiswa. Sewajarnya pelajar akan bersikap lebih bertanggungjawab dan berdikari apabila memperoleh pinjaman.

Pada ketika ini, pelajar mempunyai peluang yang luas kerana boleh mendapatkan pinjaman dan mempunyai pilihan untuk mendapatkan tempat di IPTS. Tiada alasan untuk pelajar tidak

melanjutkan pelajaran kerana pelbagai bidang ditawarkan di IPTS.

Namun begitu, selepas menerima segala pinjaman serta berjaya mendapatkan segulung ijazah dan mendapat pekerjaan yang baik, peminjam ini gagal melunaskan hutang. Mereka lupa tentang kewajipan membayar pinjaman sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Peminjam yang liat untuk membayar pinjaman ini perlu diambil tindakan yang tegas kerana mereka menjadi contoh kepada generasi yang seterusnya. Kegagalan peminjam juga akan menjejaskan dana PTPTN.

Sejak diwujudkan pada 30 September 1997 sehingga 30 September 2014, bayaran balik PTPTN yang diperoleh sebanyak RM5.41 bilion yang melibatkan 996 610 peminjam berbanding dengan RM48.3 bilion yang dikeluarkan untuk 2.1 juta peminjam. PTPTN mengambil tindakan yang



PTPTN membantu pelajar yang tidak berkemampuan bagi melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

tegas terhadap peminjam yang degil membayar hutang. Sebagai langkah seterusnya, PTPTN menyenaraikan nama peminjam daripada lepasan universiti melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS). Antara yang direkodkan dalam CCRIS termasuklah semua jenis pinjaman peribadi, pinjaman rumah, kenderaan, hutang kad kredit, serta menjadi penjamin kepada peminjam.

Sistem ini dikendalikan oleh Biro Kredit yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 1958 dan mula beroperasi sejak tahun 1982. Setiap institusi kewangan yang bernaung di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) akan menghantar maklumat semua peminjam secara bulanan kepada BNM untuk dimasukkan ke pangkalan data. Maklumat ini sentiasa dikemas kini berdasarkan laporan dari institusi kewangan terbabit. Dengan adanya sistem CCRIS, institusi kewangan boleh membuat semakan tentang komitmen kewangan seseorang yang ingin membuat pinjaman.

Penyenaraian akan dibuat secara berperingkat melibatkan 558 475 peminjam yang gagal membuat bayaran balik sejak tahun 1997. Langkah ini diambil setelah mendapat pandangan kabinet, badan bukan kerajaan (NGO), mahasiswa dan jawatankuasa fiskal.

PTPTN menyediakan pinjaman sebanyak RM5.0 bilion setahun bagi pembiayaan kos yuran dan sara hidup pelajar di UA dan IPTS. Sejak tahun 1997 hingga 30 September lalu, PTPTN sudah meluluskan pembiayaan pendidikan sebanyak RM48.36 bilion kepada lebih daripada dua juta pelajar di negara ini.

Pada tahun ini, PTPTN juga mengambil langkah penjimatan bagi memastikan manfaat pembiayaan dapat diberikan kepada semua yang memerlukan kemudahan pembiayaan. Langkah pengurangan pembiayaan pinjaman sebanyak lima peratus kepada IPTA dan 15 peratus kepada IPTS. Langkah ini berikutan kekurangan dana bagi menampung 50 ribu peminjam baharu yang akan memulakan pengajian pada setiap tahun.



PTPTN mengambil tindakan tegas terhadap peminjam yang gagal melunaskan hutang mereka.

Kekurangan dana tersebut menyebabkan PTPTN mengambil langkah drastik menyenaraikan peminjam dalam CCRIS bagi memastikan peminjam membayar pinjaman mereka. Langkah ini perlu dilihat kerana sekiranya tiada usaha yang tegas diambil, maka lebih banyak peminjam mengambil kesempatan untuk mengelak daripada membuat pembayaran.

Kerajaan juga faham masalah yang dihadapi oleh pelajar kerana ada antara mereka tidak mendapat pekerjaan yang tetap atau bekerja secara sambilan. Namun begitu, peminjam mempunyai ruang untuk berunding dengan pihak PTPTN bagi mencari kaedah dan jadual pembayaran yang fleksibel bersesuaian dengan keadaan peminjam tersebut.

Setiap tahun pihak PTPTN berusaha mendapatkan bayaran balik pinjaman dan diskaun ditawarkan kepada peminjam yang ingin membuat bayaran penuh. Namun demikian, segala usaha yang dilakukan tidak menghasilkan pulangan yang diharapkan dan masih banyak peminjam yang berdegil.

Sekiranya mereka berdegil untuk tidak mahu menjelaskan pinjaman, mereka bakal berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan pada masa hadapan. Melalui CCRIS segala data peminjam direkodkan dan institusi kewangan akan menyemak melalui CCRIS sebelum meluluskan sesuatu pinjaman itu. Peminjam akan

menghadapi kesukaran untuk membeli rumah, kenderaan, atau membuat pinjaman peribadi kerana maklumat peminjam akan mempengaruhi kelulusan permohonan pinjaman.

Isu ini perlu dilihat dari sudut yang positif kerana bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi semakin meningkat dari tahun ke tahun. Keperluan pendidikan semakin meningkat dan persaingan untuk melanjutkan pelajaran semakin mendesak.

Sehubungan dengan itu, peminjam perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman kerana ramai yang memerlukan pinjaman untuk meneruskan pengajian pada peringkat tinggi. Pelaksanaan CCRIS tidak bertujuan membebaskan peminjam PTPTN, sebaliknya menggalakkan budaya pembayaran balik sebagai kemudahan pembiayaan pendidikan kepada generasi seterusnya.

PTPTN merangka beberapa penyelesaian bagi membantu peminjam yang disenaraikan dalam CCRIS termasuk membayar keseluruhan tanggungan serta membuat komitmen bayaran secara ansuran melalui potongan gaji atau arahan tetap bank.

Peminjam diberikan masa untuk melunaskan hutang dengan kaedah ansuran yang tidak membebankan. Mereka perlu mengambil kesempatan ini memandangkan kerajaan banyak memberikan ruang. Prinsip berhutang perlu dijelaskan apabila tiba masanya. **SM**